

Revolusi Seksual: Penelitian Terhadap Laporan Penyelidikan Alfred C. Kinsey, Penginstitusian dan Kesannya kepada Fahaman Seksualiti Masyarakat Barat

MOHD. ZARIAT ABDUL RANI

ABSTRAK

Kehadiran data penyelidikan saintifik yang dilakukan oleh Alfred C. Kinsey tentang seksualiti manusia ini dianggap penting lantaran kebanyakan aspek yang lahir daripada kajian ini dikatakan memberi kesan yang signifikan terhadap fahaman dan amalan seksualiti masyarakat Barat. Justeru, perubahan fahaman dan amalan seksualiti Barat daripada yang bersifat konservatif kepada yang bercorak permisif ini turut ditanggapi oleh beberapa pihak sebagai satu hasil yang lahir daripada proses binaan sosial. Hakikat ini juga banyak mengambil kira proses penginstitusian yang rata-rata dilakukan oleh beberapa buah organisasi sosial dan akademik dalam usaha memperagakan fahaman serta amalan seksualiti baru bagi masyarakat Barat yang permisif. Bertolak daripada kesignifikanan data saintifik tentang perlakuan manusia yang diterbitkan oleh Kinsey ini, makalah ini akan meneliti proses penginstitusian yang dikatakan dilakukan terhadap data-data tersebut serta mengamati kesannya terhadap fahaman seksualiti Barat.

Kata kunci: fahaman dan amalan seksualiti, konservatif, permisif, binaan sosial

ABSTRACT

Many believe that the publication of the two volumes of Alfred C. Kinsey's scientific report on human sexual behavior have given a significant impact to the western society. Not only the scientific data of Kinsey's reports contain a permissive pattern of sexual behavior, but most of his scientific data have been proposed as a new pattern of western sexual ideology and practice that also challenge the conventional ways. The fact that the western society have become more sexually open and permissive, especially after the publication of those volumes has, in a way, lead to an assumption that most of Kinsey's scientific data have gone through the process of institutionalization. In this case, most of the western scholars regard that the sexual permissiveness among the western society is merely a product of social constructions and this has been

materialized by the role of a few social and academic organizations. Taking into consideration the significance of the Kinsey's report on human sexual behavior, this paper intend to look into the process of institutionalization of those data and its impact on western sexual ideology and practice.

Key words: sexual beliefs and practice, conservative, permissive, social construction

PENGENALAN

Secara umum, pada penghujung tahun-tahun 1960-an telah berlaku perubahan besar dalam kebanyakan aspek kehidupan masyarakat Barat yang rata-rata bertolak daripada kecenderungan muda-mudi mereka untuk mencabar beberapa fahaman serta amalan yang menjadi pegangan generasi sebelumnya. Antara yang ketara ialah penentangan terhadap fahaman dan amalan seksualiti masyarakat yang dilakukan secara giat dan terbuka sehingga mencetuskan satu fenomena yang lebih dikenali sebagai "Revolusi Seksual". "Revolusi Seksual" yang berlaku di Barat pada penghujung tahun-tahun 1960-an itu antara lain banyak memperlihatkan usaha yang bersungguh-sungguh di kalangan generasi muda untuk mencabar serta meruntuhkan fahaman dan amalan seksualiti konvensional dengan memperagakan fahaman dan amalan seksualiti baru, yang lebih bersifat permisif atau seks bebas.

Meskipun kebanyakan pihak mengaitkan "Revolusi Seksual" yang berlaku di Barat ini dengan beberapa situasi penting yang berlaku dalam sejarah dan perkembangan politik di Amerika Syarikat pada ketika itu, terutamanya penglibatan Amerika Syarikat dalam peperangan di Vietnam, namun tidak dapat juga dinafikan akan peranan yang turut dimainkan oleh beberapa mekanisme lain seperti kajian dan penyelidikan akademik. Dalam konteks ini, kajian saintifik yang diterajui oleh Alfred C. Kinsey (seterusnya Kinsey) dengan dibantu oleh Wardell B. Pomeroy dan Clyde E. Martin dapat dianggap turut memainkan peranan dalam mencorakkan fahaman dan amalan seksualiti masyarakat Barat yang baru. Sesungguhnya kajian saintifik yang dilakukan untuk mengkaji tentang tingkah laku seksual masyarakat Amerika ini mengambil masa kira-kira 15 tahun untuk disiapkan dan kemudiannya diterbitkan dalam dua jilid yang berasingan, iaitu *Sexual Behavior in The Human Male* (1948) dan *Sexual Behavior in The Human Female* (1953). Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa penerbitan kedua-dua siri laporan penyelidikan saintifik ini kemudiannya meninggalkan kesannya yang tersendiri lantaran kedua-dua jilid tersebut telah mendapat publisiti yang cukup luas sehingga mengundang kontroversi yang besar (Gebhard & Johnson 1979:2). Lebih signifikan lagi kontroversi yang berlaku hasil penerbitan kedua-dua siri laporan ini bukan sahaja tercetus di kalangan ahli dan golongan akademik, bahkan turut menjangkau masyarakat awam yang turut memberikan pelbagai

reaksi dan pandangan, seperti yang digambarkan oleh Wardell B. Pomeroy (1953) bahawa

Kinsey's two landmark volumes, 'Sexual Behavior in the Human Male' (1948) and 'Sexual Behavior in the Human Female' (1953), raised one of the most violent and widespread storms since Darwin, not only in the scientific community but among the publics at large. It is fair to say that Kinsey brought sex out of the bedroom and into world's parlor.

Sesungguhnya pernyataan Pomeroy ini juga dapat dianggap sesuai untuk menjelaskan jolokan yang diberikan oleh ramai pihak kepada Kinsey sebagai "*Patron Saint of Sex*" manakala kedua-dua siri laporan penyelidikan beliau itu pula turut dianggap sebagai "*the first wave of the sexual revolution*" (Reisman 1990:3).

Bertolak daripada reaksi dan reputasi yang diterima oleh laporan penyelidikan Kinsey ini, makalah ini meneliti beberapa dapatan beliau tentang perlakuan seksual manusia yang rata-rata dianggap bersifat kontroversial serta mengenal pasti beberapa pendirian tentang seksualiti yang lahir daripada dapatan penyelidikan tersebut. Sayugia diingatkan bahawa penelitian tidak dilakukan terhadap keseluruhan data kajian, sebaliknya hanya ditumpukan kepada beberapa data yang difikirkan dapat membangunkan keseluruhan hujah, iaitu bagi membuktikan bahawa wujudnya pertentangan antara dapatan penyelidikan Kinsey dengan fahaman serta amalan seksualiti konvensional masyarakat Barat. Selain itu, makalah ini turut meneliti proses penginstitutionan ideologi seksualiti Kinsey sebagaimana yang diperlihatkan dalam kedua-dua laporan tersebut, selain mengamati secara ringkas kesan proses penginstitutionan tersebut terhadap fahaman dan amalan seksualiti masyarakat Barat. Seterusnya, kesan dan perubahan yang berlaku terhadap fahaman serta amalan seksualiti masyarakat Barat turut diberikan penilaian ringkas dengan berteraskan konteks serta kerangka fahaman seksualiti masyarakat Islam di Malaysia.

LATAR BELAKANG PENYELIDIKAN SEKSUALITI MANUSIA OLEH ALFRED C. KINSEY

Pada dasarnya Kinsey menjelaskan bahawa matlamat utama penyelidikan beliau ini ialah bagi mengumpul data berkenaan tingkah laku seksual manusia tanpa mengambil kira interpretasi atau hukuman sosial samaada yang berbentuk tradisi atau kepercayaan agama. Berteraskan matlamat ini, Kinsey kemudiannya turut mengingatkan pembacanya bahawa data yang bakal dipersembahkan sepanjang laporan penyelidikannya ini rata-rata terlepas daripada segala bentuk penilaian serta penghakiman moral atau nilai yang pada kelazimannya mengiringi kajian tentang seksualiti manusia pada ketika itu. Sebagaimana dijelaskannya (Kinsey 1975:7):

No preconception of what is rare or what is common, what is moral or socially significant, or what is normal and what is abnormal has entered into the choice of the histories or into the selection of the items recorded on them.

Berteraskan pendirian ini, Kinsey seterusnya telah menumpukan penyelidikannya terhadap seramai kira-kira 16,392 orang yang menurutnya secara sukarela menawarkan diri sebagai bahan kes. Selain itu, sample yang terdiri daripada 7789 orang wanita dan 8603 lelaki bangsa kulit putih yang menetap di Amerika Syarikat ini juga dipilih berasaskan faktor kepelbagaian yang diyakini oleh Kinsey dapat mewakili hampir keseluruhan penduduk Amerika Syarikat pada ketika itu (Kinsey 1975:7; Kinsey 1953:2). Berasaskan ciri-ciri yang terkandung dalam sample tersebut, Kinsey bersama rakan-rakannya telah membentuk pasukan penyelidik yang bukan sahaja terlatih, bahkan mempunyai latar belakang serta kepakaran dalam beberapa disiplin asas seperti antropologi, biologi, psikologi, klinikal, tingkah laku haiwan dan sains sosial. Pasukan penyelidik yang dibentuknya ini kemudian ditugaskan menjalankan penyelidikan berasaskan metodologi yang telah ditetapkan, antaranya menggunakan kaedah temu bual untuk sample lelaki dan wanita dan kaedah rujukan terhadap sumber-sumber seperti laporan, rakaman dan hasil pemantauan terhadap sample wanita (Kinsey 1953:22). Selain menggunakan kaedah-kaedah tersebut, satu pendekatan lain telah juga digunakan, iaitu yang dikenali sebagai 'Pendekatan Taksonomi Moden' (*Modern Taxonomic Approach*). Menurut Kinsey pendekatan ini merupakan satu pendekatan yang mantap digunakan dalam bidang sains biologi. Menurut beliau lagi secara amnya, pendekatan ini banyak terlibat serta memperakukan kepentingan proses penamaan, pemerian dan pengklasifikasian terhadap sesuatu spesis atau kategori tertentu. Malahan 'Pendekatan Taksonomi Moden' ini juga lahir daripada kesedaran ahli biologi tentang keunikan ciri yang ada pada diri individu serta menganggapnya sebagai satu kepelbagaian yang ada (Kinsey 1975:17). Dapat dikatakan bahawa 'Pendekatan Taksonomi Moden' yang menjadi pilihan Kinsey ini pada satu aspek memudahkannya mencapai objektif penyelidikannya, iaitu mengumpul data tentang perlakuan seksual manusia yang bebas daripada sebarang penilaian dan hukuman moral. Maka, pendekatan yang dipilihnya ini memperaku akan keunikan setiap variasi dalam seksualiti manusia, selain menanggapinya sebagai sesuatu yang signifikan dalam spesis tersebut.

DATA PENYELIDIKAN KINSEY MENGENAI PERLAKUAN SEKSUAL MANUSIA

Data dan maklumat yang diperolehi oleh pasukan penyelidikan Kinsey ini kemudiannya diterbitkan dalam dua laporan yang mengandungi data saintifik mengenai tingkah laku seksual manusia. Tanpa menafikan bahawa kedua-dua laporan penyelidikan Kinsey ini mencakupi banyak kategori perlakuan seksual

manusia, makalah ini hanya meneliti empat kategori perlakuan seksual manusia yang dianggap penting untuk memperlihatkan pertentangannya dengan fahaman seksualiti konvensional. Antara kategori yang diteliti ialah: 1) Perkembangan seksual di kalangan bayi dan kanak-kanak, 2) Perhubungan seks sebelum perkahwinan (*Pre-marital coitus*), 3) Perhubungan seks dengan pasangan bukan suami-isteri (*Extra-marital intercourse*) dan 4) Perhubungan homoseksual. Di samping itu, makalah ini juga tidak menganalisis secara terperinci keseluruhan data saintifik tersebut, sebaliknya hanya memilih serta memanfaatkan beberapa data serta ulasan Kinsey yang dapat digunakan dalam perbincangan seterusnya, iaitu mengamati proses penginstitutionan.

PERKEMBANGAN SEKSUAL DI KALANGAN BAYI DAN KANAK-KANAK

Seterusnya, data tentang perkembangan seksual di kalangan bayi dan kanak-kanak ini terkandung dalam bab "Pre-Adolescent Sexual Development" dalam *Sexual Behavior in Human Female*. Bagi mendapatkan data yang berkaitan, pasukan penyelidikan Kinsey telah melakukan pemantauan terhadap beberapa bentuk perubahan fisiologi yang berlaku kepada bayi seawal usia 4 bulan hingga ke beberapa peringkat umur hasil beberapa rangsangan seksual yang dialami mereka. Hasil pemantauan tersebut, Kinsey mendapati bahawa sebanyak 27 peratus daripada sample wanita yang dikaji mengalami rangsangan secara seksual dan erotik sebelum mencapai usia baligh, iaitu dalam lingkungan 12 hingga 13 tahun. Daripada jumlah tersebut, kira-kira satu peratus daripada sample wanita di setiap peringkat umur dilaporkan mengalami rangsangan seksual dalam usia mereka 3 tahun, manakala empat peratus daripada jumlah keseluruhan sample wanita mengakui mengalami rangsangan seksual pada umur 5 tahun, selain 16 peratus pula pada usia 10 tahun (Kinsey 1953:103). Dapat dikatakan bahawa data yang diperoleh Kinsey ini secara umum telah mencabar fahaman seksualiti konvensional yang kebanyakannya menganggap bahawa kanak-kanak wanita yang belum mencapai usia baligh, iaitu seperti belum mengalami gejala haid adalah bebas daripada segala bentuk rangsangan serta keinginan yang bersifat seksual.

Seterusnya, Kinsey juga mendapati bahawa 14 peratus daripada jumlah kanak-kanak wanita dalam lingkungan usia bawah 1 hingga 13 tahun yang pernah mengalami rangsangan seksual, mengaku telah mencapai tahap *orgasm* (Kinsey 1953:105). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 86 peratus mengaku mencapai *orgasm* melalui kaedah masturbasi, 7.0 peratus melalui perhubungan seks sesama kanak-kanak wanita, 2.0 peratus melalui aktiviti pra-persetubuhan (*petting*), 1.0 peratus melalui perhubungan seks dengan kanak-kanak lelaki dan lelaki dewasa. Lebih lanjut lagi terdapat 2.0 peratus kanak-kanak wanita yang mengakui mengalami *orgasm* melalui tindak balas fizikal dengan haiwan (Kinsey 1953:106). Berasaskan data-data tersebut, Kinsey telah mengkritik fahaman seksualiti konvensional yang dianggapnya telah memendamkan hakikat wujudnya

rangsangan seksual manusia pada usia kanak-kanak. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa data-data ini telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh Kinsey untuk mengkritik fahaman seksualiti konvensional masyarakat Barat yang menurutnya banyak diasaskan pada ajaran Yahudi-Purba, khususnya tentang gejala haid yang dianggap sebagai satu-satunya petanda kematangan seksual kaum wanita. Dalam konteks ini, Kinsey menganggap bahawa gejala haid yang dialami wanita hanya merupakan satu fenomena yang kecil berbanding dengan perkembangan biologi yang lain serta tidak dianggap sebagai faktor penentu tahap kematangan seks seseorang wanita. Hakikat ini turut dibuktikan oleh Kinsey melalui data-data saintifik terkini yang menurutnya memperlihatkan terdapatnya kes kehamilan yang melibatkan kanak-kanak yang belum mengalami haid. Justeru, Kinsey menegaskan bahawa keupayaan serta kesuburan biologi seseorang kanak-kanak wanita itu tidak akan selalunya berkolerasi dengan keupayaan mereka menerima rangsangan seksual, sebagaimana yang menurutnya terbukti melalui data-data yang diperolehinya (Kinsey 1953:125).

PERHUBUNGAN SEKS SEBELUM PERKAHWINAN (PRE-MARITAL COITUS)

Seterusnya pasukan penyelidikan Kinsey turut meninjau tentang perhubungan seks yang dilakukan oleh lelaki dan wanita sebelum perkahwinan. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa hampir 50 peratus kaum wanita Amerika mengaku pernah melakukan perhubungan seks sebelum berkahwin. Malahan data juga menunjukkan bahawa wujudnya darjah perkaitan yang ketara antara usia individu ketika persetubuhan luar nikah pertama dilakukan dengan usia mereka ketika melangsungkan perkahwinan. Hal ini dapat diperjelaskan apabila sebanyak 50 peratus wanita yang berkahwin pada usia 20 tahun mengaku pernah melakukan persetubuhan sebelum berkahwin berbanding hanya 40 peratus hingga 66 peratus wanita yang berkahwin pada usia antara 26 hingga 30 tahun yang melakukan perbuatan yang serupa (Kinsey 1953:286). Seterusnya data yang diperolehi daripada sample lelaki pula menunjukkan bahawa sebanyak 73.1 peratus daripada jumlah 3031 orang sample lelaki Amerika yang berusia 20 tahun mengaku pernah melakukan persetubuhan sebelum berkahwin dan juga 83.3 peratus daripada 1061 orang lelaki yang berusia 25 tahun. Peratusan ini kemudiannya menjadi semakin meningkat mengikut tahap umur seseorang lelaki sehingga usia yang dikaji iaitu, 38 tahun. Berasaskan data-data ini, Kinsey merumuskan bahawa kebanyakan lelaki Amerika menerima dengan baik amalan persetubuhan sebelum berkahwin yang dianggapnya sebagai "*desirable part of a normal development*", termasuklah mereka yang berfahaman konservatif serta terlibat secara langsung dalam usaha menggubal serta menguatkuasakan undang-undang yang mengharamkan perhubungan seks luar nikah (Kinsey 1975:559). Tidak keterlaluan dikatakan bahawa rumusan Kinsey ini merupakan satu tempelakan terhadap fahaman seksualiti konvensional yang melalui institusi-institusi sosial dan agama

banyak meletakkan persetubuhan luar nikah antara lelaki dan wanita sebagai perbuatan yang keji serta tidak bermoral.

Selain itu, data penyelidikan Kinsey ini turut memperlihatkan bahawa 89 peratus wanita yang terlibat melakukan persetubuhan luar nikah mengakui bahawa persoalan moral dan stigma sosial merupakan kekangan yang paling utama dalam melakukan perbuatan tersebut. Berasaskan dapatan ini, Kinsey menjelaskan bahawa terdapat kecenderungan di kalangan sebahagian besar generasi muda untuk menentang fahaman seksualiti konvensional ini tetapi tidak mendorong kepada berlakunya perubahan (Kinsey 1953:314). Malahan berasaskan data-data yang diperolehi daripada sample lelaki, Kinsey turut mengajukan rumusannya bahawa darjah kekesalan atau rasa bersalah (*guilty conscience*) terhadap nilai moral, stigma sosial serta hukum agama ini menjadi semakin berkurangan mengikut kadar kekerapan perhubungan seks luar nikah yang dilakukan. Dalam kata lain, Kinsey menjelaskan bahawa semakin kerap perhubungan seks luar nikah ini dilakukan, semakin berkurangan rasa kekesalan yang menyekat mereka daripada melakukan perbuatan yang dianggap oleh Kinsey sebagai satu kecenderungan manusia yang normal (Kinsey, 1975:562). Dalam konteks ini, Kinsey turut menyelusuri sejarah institusi perkahwinan masyarakat Barat khususnya di Amerika Syarikat yang menurutnya banyak diveduk daripada ajaran Yahudi-Purba yang kemudiannya meresap ke dalam kod ajaran Kristian. Secara amnya, Kinsey berpendapat bahawa larangan terhadap persetubuhan luar nikah dalam masyarakat Barat ini pada hakikatnya hanya melanjutkan amalan masyarakat Purba yang mendukung sistem patriaki serta mengutamakan hak kaum lelaki untuk memiliki aset yang berkualiti. Di bawah sistem ini, kaum wanita menurut Kinsey dianggap sebagai salah satu daripada aset tersebut. Justeru, ditekankan tentang pentingnya memelihara “kedaraan” dan “kesucian” mereka kerana dianggap penting dalam menentukan kualiti mereka sebagai aset kepada bakal suami. Menurut Kinsey lagi, amalan ini kemudiannya semakin diperkukuhkan dalam masyarakat Barat apabila ia dimaktubkan secara perundangan oleh Institusi Kegerejaan Roman Katholik yang memainkan peranan yang besar dalam pentadbiran dan hal-ehwal politik sekurang-kurangnya sehingga abad ke-15 Masihi (Kinsey 1953:322). Berdasarkan nada hujahnya yang banyak diasaskan kepada data-data yang diperolehinya, Kinsey turut menggesa kaum wanita Amerika untuk sedar akan hak serta kebebasan yang dimiliki mereka dalam menikmati perhubungan seks sebelum berkahwin yang selama ini dinafikan oleh sistem nilai, moral dan sosial masyarakat Barat yang dianggapnya condong kepada kaum lelaki. Sebagaimana katanya: “*Objection to a double standard have usually implied that the male should accept the same restraints which our culture has been imposing upon female*” (Kinsey 1953:324).

PERHUBUNGAN SEKS DENGAN PASANGAN SELAIN SUAMI-ISTERI
(EXTRA-MARITAL INTERCOURSE)

Lanjutan daripada dapatan di atas, pasukan penyelidikan Kinsey turut mengkaji perhubungan seks yang dilakukan oleh lelaki dan wanita Amerika dengan pasangan selain daripada suami atau isteri mereka. Data yang diperolehi rata-rata menunjukkan bahawa 50 peratus kaum lelaki Amerika yang telah mendirikan rumahtangga mengaku pernah melakukan perhubungan seks dengan wanita yang bukan isteri mereka manakala kira-kira 15 peratus wanita yang bersuami juga mengaku pernah melakukan perbuatan yang sama (Kinsey 1975:585; Kinsey 1953:440). Berasaskan data-data ini, Kinsey kemudiannya merumuskan bahawa perbuatan yang secara konvensional dianggap sebagai satu kecurangan dalam perkahwinan ini pada hakikatnya dapat memberikan manfaat yang besar terhadap ikatan perkahwinan lantaran terdapatnya kes yang menunjukkan bahawa sebahagian besar masalah dalam perhubungan seks suami-isteri dapat diselesai serta ditangani secara berkesan apabila salah seorang daripada pasangannya terlibat dalam perlakuan seks jenis ini. Merujuk kepada beberapa kes yang dikajinya, Kinsey (1975:593) merumuskan bahawa "... *Some women who had difficulty in reaching orgasm with their husbands, find the novelty of the situation with another male stimulating them to their first orgasm; and with this as background they make better adjustment with their husband*".

Seterusnya, Kinsey juga beranggapan bahawa amalan "main kayu tiga" ini bukan sahaja berupaya memberikan manfaat terhadap ikatan perkahwinan suami-isteri, bahkan berdasarkan analisis terhadap data-data tersebut turut memperlihatkan bahawa ia turut memberikan kepuasan seksual yang lebih berbanding perhubungan seks suami isteri. Sesungguhnya kesimpulan Kinsey ini banyak berteraskan data penyelidikan yang memperlihatkan sejumlah 34 peratus wanita Amerika yang terlibat dalam hubungan seks jenis ini yang mengaku mencapai tahap *orgasm* yang setara dengan perhubungan seks dengan suami mereka. Selain itu 42 peratus lagi yang mengaku bahawa tahap *orgasm* melalui aktiviti ini memberi kenikmatan yang lebih daripada persetubuhan suami-isteri (Kinsey 1953:432). Malahan Kinsey turut mengajukan data yang menunjukkan bahawa sebanyak 51 peratus kaum lelaki Amerika yang telah berkahwin mengaku bahawa tekanan dan stigma terhadap perhubungan seks jenis ini merupakan faktor utama yang menyebabkan penceraian manakala 27 peratus wanita Amerika juga mengakui perkara yang sama. Dalam konteks ini, Kinsey menganggap bahawa larangan serta stigma terhadap aktiviti seks jenis ini kepada pasangan yang telah berkahwin hanya dianggap mengundang kepada bertambahnya masalah penceraian dalam masyarakat. Malahan Kinsey turut menganggap bahawa keinginan serta kecenderungan untuk melakukan persetubuhan dengan pasangan yang bukan- suami/isteri ini merupakan naluri semulajadi bagi setiap spesis mamalia termasuklah manusia. Sebagaimana katanya (Kinsey 1953:436) ... *It (merujuk kepada penceraian) is not likely to be resolved until man moves more completely away from his mammalian ancestry.*

PERHUBUNGAN SEJENIS ATAU HOMOSEKSUAL

Dapatan seterusnya ialah tentang penglibatan kaum lelaki dan wanita Amerika dalam perhubungan homoseksual. Berdasarkan data yang diperolehi pasukan penyelidik Kinsey, sekurang-kurangnya 37 peratus daripada kaum lelaki Amerika dalam usia 8 hingga 45 tahun mengaku pernah melakukan perhubungan seks dengan pasangan sejenis mereka sehingga mencapai *orgasm*. Sesungguhnya data ini mengejutkan ramai pihak kerana ia secara rawak menggambarkan bahawa lebih seorang daripada 3 orang lelaki Amerika terlibat dengan kegiatan homoseksual. Begitu juga daripada jumlah sample wanita didapati sebanyak 25 peratus wanita Amerika yang bukan sahaja mengaku mengalami rangsangan seksual terhadap sesama wanita, tetapi juga hampir 2/3 daripada mereka mengaku mengalami *orgasm* dalam perhubungan homoseksual (Kinsey 1975:623; Kinsey 1953:453-454). Walau bagaimanapun, Kinsey menjelaskan bahawa data-data tentang homoseksual yang menimbulkan kontroversi ini pada satu aspek membuktikan kekeliruan fahaman seksualiti konvensional yang hanya memperakukan perhubungan seks bersifat heteroseksual serta menyembunyikan hakikat bahawa terdapat manusia yang mengalami kepuasan yang lebih daripada perhubungan seks sejenis. Berdasarkan konteks "Pendekatan Taksonomi Moden" yang memperaku tentang kepelbagaian spesies tertentu, Kinsey menjelaskan bahawa tindakan mengklasifikasikan orientasi seksual manusia sebagai "normal" atau "abnormal" adalah tindakan yang tidak rasional, selain menafikan hakikat serta kepelbagaian variasi yang mewarnai kehidupan manusia (Kinsey 1953:469). Dalam hal ini, Kinsey menjelaskan bahawa fahaman seksualiti konvensional ini banyak lahir daripada kekeliruan tentang beberapa perlakuan seksual seperti masturbasi, heteroseksual dan homoseksual yang dianggapnya tercetus daripada tindak balas anatomi, fisiologi serta keinginan manusia untuk mencapai *orgasm*. Oleh kerana ketiga-tiga aktiviti seksual manusia ini menurut Kinsey secara keseluruhannya berupaya untuk menghasilkan *orgasm* yang setara, maka menurut Kinsey tidak timbul soal "tabii" atau "luar tabii" yang dilabelkan ke atas orientasi seks tersebut. Dalam kata lain, Kinsey bukan sekadar menekankan tentang pentingnya homoseksualiti ditanggapi sebagai orientasi seks yang dapat memberikan rangsangan serta kepuasan seksual kepada manusia, bahkan turut menganggap bahawa kecenderungan terhadapnya terdapat pada diri setiap individu (Kinsey 1953:447). Meskipun data yang diperolehi menunjukkan kecenderungan terhadap heteroseksual adalah jauh melebihi homoseksual, namun Kinsey (1953: 448) tetap merumuskan bahawa, *...it would be hard to demonstrate that this depends upon the "normality" of heterosexual responses, and the "abnormality" of homosexual responses*". Apatah lagi data yang diperolehi melalui penyelidikannya juga memperlihatkan bukti yang signifikan tentang kewujudan perlakuan homoseksual di kalangan lelaki dan wanita Amerika sehingga mendorong Kinsey (1953:451) untuk berpendapat bahawa tidak wujud manusia yang semata-mata heteroseksual dalam erti kata

sebenarnya, ...it is not so difficult to explain why human animal does a particular thing sexually. It is more difficult to explain why each and every individual is not involved in every type of sexual activity.

BEBERAPA PENDIRIAN ALFRED C. KINSEY TENTANG SEKSUALITI MANUSIA

Berdasarkan perbincangan di atas beberapa kesimpulan tentang pendirian Kinsey berkenaan seksualiti manusia dapat dikenalpasti antaranya: 1) hakikat bahawa semua jenis perlakuan seksual manusia merupakan fenomena yang semulajadi disebabkan perlakuan tersebut adalah selaras dengan keperluan biologi manusia yang digolongkannya sebagai mamalia, 2) walau apa pun cara atau jenis orientasi seksual manusia, kesemuanya menjurus kepada matlamat yang serupa iaitu mencapai *orgasm*, dan iii) segala bentuk kekangan yang berupaya peraturan agama, sosial, adat serta budaya seharusnya dielakkan kerana kesemuanya merupakan salah satu binaan (*constructions*) yang bersifat *artificial* seperti penilaian tentang baik-buruk, dosa-pahala, *normal-abnormal* terhadap sesuatu orientasi seksual. Berteraskan kesimpulan di atas, dapat dikatakan bahawa hasil penyelidikan Kinsey ini banyak mempertikai serta mencabar fahaman seksualiti konvensional yang pada ketika itu masih dianggap mutlak oleh sebahagian besar masyarakat Barat (Robinson 1976:59). Malahan, hakikat pertentangan antara dapatan Kinsey dengan fahaman seksualiti konvensional masyarakat Barat yang banyak bersandarkan ajaran Yahudi-Kristian ini turut diakui oleh Judith A. Reisman dan rakan-rakannya, iaitu Edward W. Eichel, J. Gordon Muir dan John H. Court yang menulis, ...*Kinsey's book is the view that sex is to be enjoyed as early in life as possible, more frequently, with greater variety of partners of the same or opposite gender and without the guilt of Judoe-Christian cultural restraint* (Reisman 1990:112).

Bertolak daripada percanggahan dengan fahaman seksualiti konvensional ini, ramai pihak beranggapan bahawa pendirian seksualiti Kinsey ini tidak sekadar menjadi satu rekod saintifik tentang perlakuan seksual manusia, meskipun Kinsey menjelaskan bahawa objektif kajiannya hanya untuk menyediakan data saintifik. Malahan Pomeroy yang juga merupakan salah seorang saintis yang secara langsung terlibat dalam penyelidikan Kinsey ini juga memperaku akan kemungkinan bahawa data penyelidikan Kinsey berperanan mencabar nilai serta kerangka moral konvensional tentang seksualiti manusia yang selama ini menjadi pegangan utuh masyarakat Barat (Pomeroy 1982:1). Sejalan dengan itu, Judith A. Reisman dan rakan-rakannya telah melakukan beberapa pengamatan terhadap strategi serta tindakan susulan yang dilakukan oleh beberapa pihak yang dapat dianggap sebagai bukti yang menunjukkan bahawa dakwaan Kinsey untuk sekadar menyediakan data-data saintifik adalah 'satu pembohongan'. Malahan Reisman dan rakan-rakannya mendapati bahawa Kinsey turut memanipulasikan

pendekatan, sample, metode penyelidikan dan pasukan penyelidiknya bagi menghasilkan data-data yang condong kepada ideologinya tentang seksualiti manusia (Reisman 1990:15). Tanpa memperincikan perbincangan tentang dakwaan Reisman dan rakan-rakannya ini, makalah ini seterusnya memberi tumpuan kepada perbincangan mengenai proses penginstitutionan ideologi seksualiti Kinsey.

PROSES PENGINSTITUSIAN IDEOLOGI SEKSUALITI ALFRED C. KINSEY

Sebagaimana yang dinyatakan banyak daripada dapatan penyelidikan Kinsey ini yang bertentangan serta mencabar fahaman seksualiti konvensional masih menjadi pegangan sebahagian besar masyarakat Barat pada ketika itu. Justeru, penerbitan kedua-dua laporan penyelidikan Kinsey ini dianggap menimbulkan kesan yang signifikan khususnya di kalangan beberapa organisasi sosial yang dilihat menyenangi ideologi seksual yang diperagakan oleh Kinsey itu. Antaranya seperti Playboy Foundation (seterusnya PF) yang menganggap bahawa data yang terkandung dalam laporan penyelidikan Kinsey ini dapat dimanfaatkan oleh mereka untuk memperkukuhkan falsafah serta pendirian seksual yang menjadi pegangan mereka selama ini. Sesungguhnya penglibatan PF ini antaranya diperlihatkan dalam tulisan Christie Hefner yang memperakukan peranan yang dimainkan oleh PF dalam menginstitutionkan dapatan kajian Kinsey, terutamanya dalam melonggar dan menghilangkan kerangka moral yang lazimnya disertakan dalam pemahaman terhadap seksualiti di Barat. Beliau berpendapat

... Moral judgement about sex should not be expressed as scientific absolutes in a pluralistic society that values self determination and individual freedom ... It is expressed in Playboy magazine and in the work of the Playboy Foundation. In the early 1960s, a series of editorials penned by him (merujuk kepada Hugh Hefner, iaitu ayah kepada Christie Hefner) and termed the 'Playboy Philosophy' offered a historical overview of individual freedom, particularly sexual freedom and argued passionately for the right of individuals to be free of governmental or religious imposed morality (Hefner 1987:x).

Malahan pengamatan Reisman dan rakan-rakannya terhadap proses penginstitutionan ideologi seksualiti Kinsey ini turut memperakukan tentang kesignifikanan peranan yang dimainkan oleh PF yang menurut mereka banyak dimulakan dengan pemberian geran kepada University of Minnesota untuk mengadakan program perintis bertujuan mengubah persepsi serta sikap para pelajar jurusan perubatan terhadap seksualiti supaya mereka lebih bersifat toleransi, sejajar dengan 'semangat' yang diperlihatkan oleh dapatan kajian Kinsey. Malahan PF juga telah menjadi penaja utama projek penyelidikan Masters and Johnson Institute (seterusnya MJI) serta menjadi tulang belakang kepada penubuhan Office of Research Services of the Sex Information and Education Council of the U.S. (seterusnya SIECUS) pada tahun 1964.

Lanjutan daripada itu, SIECUS yang menjadi sebuah organisasi kesihatan sukarela yang berkhidmat untuk memperkukuhkan kefahaman tentang seksualiti di Amerika Syarikat kemudiannya didapati turut menjalinkan perhubungan akrab dengan Department of Health Education, University of New York (seterusnya NYU). Sesungguhnya kerjasama yang terjalin antara kedua-duanya ini kemudiannya banyak menghasilkan penawaran program sarjana serta aktiviti-aktiviti di NYU yang kebanyakannya berkaitan dengan seksualiti manusia. Berdasarkan susur galur ini, dapat digambarkan bagaimana ideologi seksualiti yang menjadi pegangan Kinsey ini menjangkau dan diserapkan kepada para pelajar NYU menerusi kerjasama yang terjalin antara NYU dengan SIECUS dengan didukung oleh usaha PF. Malahan pengaruh Kinsey terhadap SIECUS ini juga tidak perlu dipersoalkan lantaran penubuhan organisasi ini adalah atas daya usaha serta biaya PF yang secara terang-terangan menyatakan sokongan terhadap laporan penyelidikan Kinsey. Seterusnya penginstitutionan ideologi seksualiti Kinsey ini juga diperlihatkan apabila SIECUS dan NYU kemudiannya menerbitkan sebuah dokumen bertajuk "SIECUS/NYU Principles Basic to Education for Sexuality" yang diterbitkan pada Januari 1980 dalam *SIECUS Report*. Sesungguhnya kehadiran ideologi Kinsey dalam dokumen ini terserlah apabila kebanyakan pendirian yang dikemukakan oleh SIECUS dan NYU ini tidak jauh berbeza dengan data-data penyelidikan Kinsey (Reisman 1990:123). Begitu juga dengan pengaruh ideologi seksualiti Kinsey dalam SIECUS yang turut diperlihatkan melalui pernyataan yang dibuat oleh pengasas bersama SIECUS, Mary Calderone melalui tulisannya yang diterbitkan dalam *SIECUS Report* (terbitan Mei-Julai 1983). Tulisannya itu menjelaskan bahawa kapasiti seksual bayi dan kanak-kanak patut dikembangkan seiring dengan perkembangan fizikalnya yang lain, seperti merangkak atau berjalan dan pandangan ini dapat dianggap sebagai satu pengiktirafan terhadap data penyelidikan Kinsey yang memperakukan pengalaman seksual manusia seawal peringkat bayi (Reisman 1990:43).

Selain peranan yang dimainkan oleh PF melalui SIECUS dalam memperkukuhkan ideologi seksualiti Kinsey ini, terdapat sebuah lagi organisasi yang dikenali sebagai Society for the Scientific Study of Sex (seterusnya SSSS) yang dianggap turut mendukung pendirian yang serupa. Berbeza dengan PF, pengaruh Kinsey terhadap SSSS ini lebih terserlah apabila sebahagian besar ahli jawatankuasa yang menganggotai badan ini merupakan mereka yang pernah terlibat secara langsung dalam pasukan penyelidikan Kinsey. Antaranya seperti Pomeroy dan Paul Gebhard yang kedua-duanya merupakan penulis bersama dalam kedua-dua jilid yang diterbitkan itu. Apatah lagi terdapat beberapa orang anggota ahli jawatankuasa SSSS yang secara terbuka mengisytiharkan mereka sebagai pengamal homoseksual. Malahan kesejajaran antara ideologi Kinsey dengan pendirian rasmi SSSS dapat diperlihatkan melalui kertas kerja yang Pomeroy bentangkan ketika mewakili SSSS dalam Kongres Antarabangsa Perubatan Seksologi di Rome pada tahun 1978. Beliau secara umum menganggap bahawa penerimaan masyarakat Barat terhadap homoseksualiti pada era 70-an merupakan satu

perkembangan positif hasil pendedahan kepada “sexual sciences” (Reisman 1990:120). Begitu juga dengan pernyataan salah seorang ahli jawatankuasa SSSS, Vern L. Bullough dalam makalah beliau bertajuk “Chronicle of Higher Education”, yang mengutarakan soalan yang hampir senada dengan pernyataan yang pernah diutarakan oleh Kinsey (1953:451), iaitu ... *We’ve long asked the question, “why are some people homosexual?”*, *when we should actually be asking, “Why are people heterosexual?”* (Reisman 1990:121). Lebih nyata lagi, Bullough dalam prakata buku Edward Brogersma bertajuk *Loving Boys (Volume I): A Multidisciplinary Study of Sexual Relation Between Adult and Minor Males* menampakkkan kesenangannya yang ketara terhadap amalan fedofiliar (*pedophiles*), iaitu perhubungan seks antara orang dewasa dan kanak-kanak yang dianggap telah dipinggirkan dan tertindas dalam fahaman seksualiti konvensional masyarakat Barat (Brongersma 1986:10).

KESAN IDEOLOGI SEKSUALITI KINSEY TERHADAP FAHAMAN DAN AMALAN SEKSUALITI BARAT

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa ideologi seksualiti Kinsey yang terlihat melalui data penyelidikan saintifik yang diusahakannya banyak memberikan impak terhadap perubahan fahaman dan amalan seksualiti masyarakat Barat secara keseluruhannya. Hal ini juga turut diakui oleh Roy Porter and Mikulas Teich (1994:2) ... *The proliferation of Kinsey Report since then, sponsored by the Kinsey Institute and of Kinsey-type enquiries, show that such scientific aspirations continue to command academic and scientific support and maybe even public respect.*

Tidak dapat dinafikan bahawa kesignifikanan peranan yang dimainkan oleh dapatan penyelidikan Kinsey ini turut didorong oleh hakikat bahawa ia merupakan antara kajian seksualiti yang pertama menggunakan kaedah serta pendekatan saintifik, iaitu satu disiplin yang teguh dan berpengaruh di Barat pada ketika itu, sebagaimana yang diakui oleh John D’Emilio dan Estelle B. Freedman (1988:10) bahawa ... *the strongest assault on sexual reticence in the public realm emerged not from the pornographic fringe, nor from the popular culture, but from the respectable domain of science.* Bertolak daripada kedudukan ini, tidak dapat dinafikan bahawa laporan penyelidikan Kinsey juga menjadi antara faktor yang mendorong American Psychiatric Association (seterusnya (APA)) untuk menggugurkan homoseksualiti dalam senarai penyakit mental. Kecenderungan pengaruh Kinsey terhadap keputusan APA ini dapat diperlihatkan apabila pengisytiharan tersebut dilakukan sejurus selepas MJI yang didukung oleh PF iaitu yayasan yang terang-terangan menyokong ideologi Kinsey, mengumumkan pendirian mereka menganggap homoseksualiti sebagai orientasi seks yang normal (Socrides 1977:121). Malahan terdapat bukti yang menunjukkan bahawa Pomeroy telah mengirimi testimoni kepada APA sebelum perisytiharan tersebut,

sebagaimana yang dinyatakan oleh Ronald Bayer (1989:117) ... *He (merujuk kepada Pomeroy) ... called upon the Committee to acknowledge homosexuality as a normal variant, suggesting with only thinly disguised contempt that psychiatry would have done well to accept the conclusions that he and Kinsey had put forth twenty-five years earlier*".

Selain itu, laporan penyelidikan Kinsey ini turut dianggap memberikan impak yang besar terhadap perkembangan gerakan fedofilial. Sebagai contoh, keberanian North American Man/Boy Love Association (seterusnya NAMBLA) menerbitkan sebuah dokumen bertajuk "Resolution on the Liberation of Children and Youth" yang secara terbuka mengajukan perhubungan seks antara orang dewasa dengan kanak-kanak sebagai orientasi seks yang normal. Tidak dapat dinafikan bahawa keberanian mereka menerbitkan dokumen ini pada satu aspek banyak didorong oleh kedudukan dan autoriti data penyelidikan Kinsey dan hal ini terbukti apabila Tom O' Carroll, iaitu pengerusi Pedophiles Information Exchange (seterusnya PIE) turut mengiktiraf sumbangan Kinsey sebagai satu penyelidikan saintifik tentang seksualiti yang paling berpengaruh (O'Carroll 1980:36). Sejajar dengan itu, Randy W. Kirk yang turut memperakukan kesignifikanan peranan penyelidikan Kinsey dalam mengubah fahaman seksualiti konvensional masyarakat Barat menamakan Kinsey sebagai "*The Founder of the Sexual Revolution*" (Kirk 1993:24). Sesungguhnya kesignifikanan kasar yang dihasilkan oleh data penyelidikan saintifik Kinsey dalam mencabar dan mengubah fahaman dan amalan seksualiti konvensional masyarakat dapat diperlihatkan dalam pernyataan Kirk (1993:24) bahawa

... so many are engaged in this activity, we were encouraged to ask ourselves, how can it be called abnormal? If not abnormal, then surely we can rationalize away its being immoral. If not immoral or abnormal, "What could be the harm?" This insidious phrase became the battle cry of those who desired a brave new world of "anything goes" sexuality.

Seterusnya, impak yang diberikan oleh ideologi seksualiti Kinsey terhadap fahaman seksualiti masyarakat Barat ini turut diperlihatkan oleh Pomeroy yang menceritakan tentang dua peristiwa yang berlaku pada tahun 1958. Dalam episod pertama, beliau menceritakan tentang kesempatannya memantau satu pesta keramaian yang dihadiri golongan 'transvestites' (pondan) di salah sebuah pusat peranginan di Catskills, Amerika Syarikat. Menurut Pomeroy, pesta tahunan itu dirayakan oleh golongan pondan tersebut dengan melakukan pelbagai aktiviti santai, termasuklah mengadakan persembahan hiburan dengan mengenakan pakaian dan bersolek seperti wanita. Lebih menarik lagi, menurut Pomeroy kebanyakan peserta pondan tersebut sudah beristeri dan apabila ditemu bual, kebanyakan daripada isteri itu melahirkan pandangan yang positif terhadap kecenderungan para suami mereka itu selagi ia tidak mengganggu fungsi seksual mereka suami-isteri. Dalam peristiwa yang kedua pula, Pomeroy menceritakan tentang kehadirannya dalam Seminar Majlis Gereja Kebangsaan di Green Lake,

Wisconsin, Amerika Syarikat yang diadakan khusus untuk menilai semula pendirian Gereja Protestant terhadap seks. Meskipun pada awal seminar itu wujud ketegangan dan percanggahan pendapat, namun Pomeroy mendapati bahawa kebanyakan para perwakilan gereja kemudiannya bersedia untuk menerima ketetapan Gereja Protestant yang rata-rata bersetuju dengan ketetapan bahawa perhubungan seks-oral sebagai ... *permissible form of human sexual behavior* (Pomeroy 1982:452). Sesungguhnya terserlah daripada kedua-dua peristiwa yang berlaku dalam era selepas penerbitan laporan Kinsey ini, Pomeroy merumuskan bahawa masyarakat Amerika termasuklah golongan yang menerajui institusi keagamaan menjadi semakin terbuka dan bertoleransi terhadap pelbagai orientasi seks yang sebelumnya dipinggirkan lantaran pengamalannya dianggap sebagai golongan luar tabii. Malahan, petikan berikut yang menceritakan situasi pada penghujung seminar gereja tersebut ini dianggap oleh Pomeroy sebagai bukti kesediaan masyarakat Barat mengubah fahaman dan amalan seksualiti mereka akibat dapatan penyelidikan Kinsey itu. Seperti katanya;

... It was typical experience, all the groups were tense at first, then a gradual relaxation ... into free and enthusiastic exchange. Near the end, one minister remarked, "You know, we keep talking about "them", but how about "us"? I will admit that I've had homosexual experiences in my lifetimes, and I'll bet a lot of you have. Raise your hands if you have". Five out the twenty delegates in the group raised their hands" (Pomeroy 1982:453).

SEKSUALITI BARAT: PENILAIAN DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM

Dapat diperlihatkan dalam perbincangan di atas bagaimana fahaman dan amalan seksualiti Barat telah mengalami perubahan yang besar, iaitu daripada bersifat konvensional kepada yang bercorak permisif. Dengan hanya merujuk kepada proses dan perkembangan sejarah yang melibatkan fahaman dan amalan seksualiti masyarakat Barat khususnya selepas abad ke-15 Masihi, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kepermisifan nilai serta gaya hidup seksual yang diterima baik oleh sebahagian besar anggota masyarakat di Barat masa kini rata-rata lahir daripada proses binaan sosial, terutamanya apabila autoriti Institusi Kegerejaan Roman Katholik mula dicabar dan dipertikaikan (Mohd Zariat 2001:33). Bertolak daripada hakikat ini, dapat juga dikatakan bahawa perkembangan dan perubahan terhadap fahaman dan amalan seksual yang berlaku di Barat ini tidak dapat diterapkan atau dikenakan (*to impose*) ke atas masyarakat Islam lantaran kelainan serta perbezaan pemahaman tentang soal "pandangan hidup" serta makna agama. Dalam konteks inilah, Syed Muhammad Naquib Al Attas (seterusnya Al Attas) menegaskan tentang peri pentingnya umat Islam untuk sentiasa bersikap berhati-hati dalam menerima segala bentuk fahaman dan ideologi yang diperagakan oleh orang Barat, yang menurutnya sentiasa cenderung dalam memperkenalkan serta menerapkan pengalaman dan perubahan yang mereka alami kepada masyarakat lain di dunia. Menurut beliau:

... Western man is always inclined to regard his culture and civilization as man's cultural vanguard; and his own experience and consciousness as those representative of the most "evolved" of the species, so that we are all in the process of lagging behind them, as it were, and will come to realize the same experience and consciousness in due course sometime (Al Attas 1978:22-23).

Tidak dapat dinafikan juga bahawa penekanan Al Attas ini banyak bertolak daripada pandangannya yang menganggap bahawa pengalaman sejarah serta pemahaman terhadap agama yang menjadi pegangan masyarakat Barat (dalam konteks ini ialah agama Kristian) adalah berbeza dan bertentangan dengan hakikat dan makna agama kepada umat Islam (Mohd. Zariat 2002:85-91). Dalam konteks ini beliau menganggap bahawa perkembangan sejarah dan tamadun yang berlaku dalam masyarakat Barat lebih banyak menjadikan agama Kristian sebagai suatu agama yang bersifat kebudayaan serta falsafah dan bukannya agama yang berteraskan wahyu. Hakikat ini menurutnya menjadi salah satu sebab penting yang memungkinkan berlakunya perubahan yang besar dalam segenap aspek kehidupan masyarakat Barat terutamanya penolakan terhadap aspek-aspek yang bersifat mutlak yang kemudiannya banyak diganti dengan binaan yang bersifat sosial, historikal atau politikal. Sesungguhnya perkembangan dan perubahan yang berlaku terhadap agama Kristian ini berbeza dan tidak terjadi kepada Islam yang menurutnya lebih difahami dan diajukan sebagai 'satu cara hidup' (*ad-din*) yang berteraskan ajaran wahyu. Isi kandungannya juga bukan sahaja bersifat mutlak, bahkan tidak memungkinkan penerimaan terhadap mana-mana fahaman atau ideologi yang bersifat sementara. Sebagaimana ditegaskannya:

... Islam is not a form of culture...not merely derived from cultural and philosophical elements aided by science, but one whose original source is Revelation...perfected from the very beginning, requiring no historical explanation and evaluation in terms of the place it occupied and the role it played within a process of development (Al Attas 1995:4).

Dalam konteks inilah, fahaman dan amalan seksualiti masyarakat Barat yang bersifat permisif ini tidak boleh diterima secara mutlak atau disesuaikan konsepnya untuk umat Islam. Hal ini kerana segenap aspek kehidupan manusia menurut Islam itu adalah dikejapkan kepada pemahaman bersifat mutlak dan berteraskan "janji azali" (*primordial covenant*) dan yang termeterai antara manusia dengan Allah SWT (Al Attas 1978:52). Dapat juga dikatakan bahawa "janji azali" manusia untuk menjadi saksi terhadap keesaan dan keagungan Penciptanya ini antaranya turut meliputi aspek seksualiti manusia yang memperlihatkan hakikat janji manusia untuk "memelihara kemaluan mereka daripada perbuatan yang keji dan mungkar", sebagaimana golongan yang disebut oleh Allah SWT dalam Surah al Mu'minuun Ayat 6 sebagai "*lifurujihim hafizun*" (mereka yang memelihara kemaluan mereka). Dalam konteks "janji azali" inilah, seksualiti menurut Islam turut diberikan makna dan kedudukan sebagai suatu ibadah manusia kepada Allah SWT. Sebagaimana diperjelaskan oleh Abdelwahab Bouhdiba (1985:247)

... the Islamic faith, founded on the meaning of the dialogue with God (merujuk kepada "perjanjian azali") and orientated toward the vision of God, was able to integrate the orgasm into the transcending self. The exercise of sexuality was prayer, a gift of oneself, an act of charity... . Now the meaning of Islam cannot be dissociated from that of sexuality.

Berasaskan pemahaman bahawa seksualiti manusia menurut Islam ini menjadi salah satu daripada bentuk ibadah yang dilakukan oleh manusia kepada Penciptanya, dapat dikatakan bahawa ideologi seksualiti yang diperagakan oleh Kinsey dan yang telah diterima pakai di Barat pada masa kini menjadi tidak relevan pada umat Islam.

RUJUKAN

- Al Attas, SMN. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- _____. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the World View of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Bayer, R. 1989. *Homosexuality and American Psychiatry: The Politics of Diagnosis*. New York: Basic.
- Bouhdiba, A. 1985. *Sexuality in Islam*. Translated from France Alan Sheridan. London: Routledge & Kegan Paul.
- Brongersma, E. 1986. *Loving Boy (Volume I) A Multidisciplinary Study of Sexual Relations Between Adult and Minor Males*. Elmhurst: Global Academic.
- D'Emilio, J. & Freedman, E. B. 1988. *Inmate Matters: A History of Sexuality in America*. New York: Harper & Row.
- Gebhard, P. H. & Johnson, A. L. 1979. *The Kinsey Data: Marginal Tabulations of the 1938-1963. Interviews Conducted by the Institute for Sex Research*. Philadelphia: W. B. Saunders.
- Kinsey, A. C. et al. 1953. *Sexual Behavior in the Human Female*. Philadelphia: W. B. Saunders.
- _____. 1975. *Sexual Behavior in the Human Male*. Bloomington: Indiana University Press.
- Kirk, R. W. 1993. *A Generation Betrayed: Its Time to End the Sexual Revolution*. Louisiana: Huntington House.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. 2001. "Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Pegangan Seksualiti Masyarakat Barat". *Jurnal Usuluddin* 14. Disember. hlm. 33-53. Universiti Malaya.
- _____. 2002. "Dilema Muslim: Penelitian Terhadap Pandangan Syed Muhammad Naquib Al Attas Tentang Beberapa Fenomena Umat Islam". *Jurnal YADIM* 3. Jun. hlm. 83-101. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Pomeroy, W. B. 1982. *Dr. Kinsey and the Institute for Sex Research*. New Haven: Yale University Press.
- Porter, R. & Teich, M. (pyt.). 1994. *Sexual Knowledge, Sexual Science: The History of Attitudes to Sexuality*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Reisman, J. A. et al. 1990. *Kinsey, Sex and Fraud: The Indoctrination of a People*. Louisiana: Lochinvar A Huntington.
- Robinson, P. 1976. *The Modernization of Sex*. New York: Harper & Row.
- Shelp, E. E. (pyt.). 1987. *Sexuality and Medicine Volume II: Ethical Viewpoints in Transition*. Boston: D. Reidel.

Mohd. Zariat Abdul Rani
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
e-mail: mzariatrani@yahoo.com